

**PERIKATAN  
NASIONAL**

**SELANGOR  
BAHARU,**

**KITA BANGKIT!**

**TAWARAN PERIKATAN NASIONAL  
PILIHAN RAYA DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR 2023**

# 10 TERAS UTAMA

## PERIKATAN NASIONAL SELANGOR

**BAHAWASANYA PARTI PERIKATAN NASIONAL DENGAN PENUH KESUNGGUHAN DAN ILTIZAM BERTEKAD UNTUK MEWUJUDKAN KERAJAAN NEGERI YANG PRIHATIN, BERSIH DAN STABIL SERTA PENTADBIRAN YANG BERINTEGRITI DEMI KESEJAHTERAAN RAKYAT. TERAS UTAMA PERIKATAN NASIONAL DALAM MENTADBIR KERAJAAN NEGERI ADALAH SEPERTI BERIKUT:**

01

Mempertahankan keluhuran Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh negeri, menjunjung Islam sebagai agama Persekutuan dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sebagai Ketua Agama Islam di negeri Selangor serta melindungi hak setiap individu untuk mengamalkan agama masing-masing bagi membentuk masyarakat yang harmoni dan inklusif tanpa meminggirkan hak mana-mana golongan untuk menjalani kehidupan yang aman, makmur dan sejahtera.

Merencanakan ekonomi masa hadapan berimpak tinggi dan merapatkan jurang pembangunan ekonomi antara daerah dengan mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif serta membangunkan industri baharu bertunjangkan tenaga boleh diperbaharui bagi mewujudkan peluang pekerjaan berkualiti dan meningkatkan pendapatan rakyat.

02

03

Menjadikan usaha menangani tekanan kos sara hidup rakyat sebagai fokus utama kerajaan negeri melalui pendekatan jangka masa pendek, sederhana dan panjang termasuk menyediakan bantuan tunai secara terus kepada mereka yang memerlukan.

Menjadikan Selangor sebagai negeri terbaik dari segi keterjaminan bekalan makanan melalui pendekatan menyeluruh melibatkan petani, penternak dan nelayan serta agensi berkaitan bertunjangkan penggunaan teknologi terkini bagi menjamin pengeluaran produk berkualiti tinggi, mencukupi dan pada harga yang munasabah.

04

05

Memperkasa pengurusan kemudahan utiliti dan infrastruktur asas di seluruh negeri termasuk dengan memberi tumpuan kepada penjagaan sumber air, penyediaan bekalan air bersih, pengurusan sisa pepejal, peningkatan kualiti dan keselamatan jalan raya serta peluasan akses liputan perkhidmatan telekomunikasi dan internet bagi memastikan kehidupan yang lebih sejahtera untuk rakyat.

Memperteguh kerjasama dengan pelbagai pihak bagi menyediakan akses kepada kediaman yang selesa pada kadar sewa atau harga jualan yang munasabah.

06

07

Membina masyarakat berilmu dengan menyediakan peluang, bantuan, sokongan serta kemudahan pendidikan yang kondusif kepada semua lapisan masyarakat bagi memenuhi keperluan ekonomi masa hadapan.

Mengoptimumkan potensi belia, wanita, OKU dan warga emas dengan menyediakan bantuan dan sokongan yang menyeluruh serta memudahcara penglibatan dalam sektor ekonomi dan aktiviti kemasyarakatan.

08

09

Mempergiat usaha memelihara dan melindungi alam sekitar termasuk pesisir pantai, sungai, hutan dan sumber mineral untuk diwarisi generasi akan datang dengan meningkatkan usaha pemantauan dan penguatkuasaan melalui penggunaan teknologi terkini dan penglibatan aktif semua pihak berkepentingan seperti agensi kerajaan, anak syarikat kerajaan negeri, pertubuhan bukan kerajaan, badan korporat serta pihak swasta.

Memperkukuh tadbir urus dan kecekapan perkhidmatan bagi memastikan pembangunan negeri dapat dilonjakkan ke tahap yang jauh lebih tinggi dengan menekankan kepada pentadbiran yang telus serta bebas rasuah.

10

PERIKATAN  
NASIONAL

SELANGOR BAHARU

KITA BANGKIT!

UNDILAH  
PERIKATAN NASIONAL

PERIKATAN  
NASIONAL



PERIKATAN  
NASIONAL

7


TUNJANG

25

PENDEKATAN

112

TAWARAN



PERIKATAN  
NASIONAL

PRINSIP  
PANDUAN

## 1 PRIHATIN

Prihatin kepada kehidupan rakyat, nilai-nilai murni dan kebajikan yang merangkumi keperluan untuk menangani tekanan kos sara hidup dan menyediakan taraf hidup yang wajar untuk setiap rakyat dalam mengharungi ketidaktentuan ekonomi dunia.

## 2 BERSIH

Membanteras rasuah dan segala bentuk penyelewengan dalam tadbir urus di setiap peringkat bagi memastikan pentadbiran yang bertanggungjawab, berintegriti dan telus.

## 3 STABIL

Komited membina kerajaan yang stabil dan cekap, bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kerajaan dilaksanakan secara berkesan demi kesejahteraan rakyat serta menjadikan Selangor sebuah negeri yang gemilang dan berdaya saing.

PERIKATAN  
NASIONAL

# 35









TAWARAN UTAMA  
SELANGOR

Pakej Rangsangan  
Ekonomi  
Prihatin Selangor  
bernilai  
**RM2.0 Billion**

UNDILAH  
PERIKATAN NASIONAL

PERIKATAN  
NASIONAL



 <p><b>RM50 Juta</b> Mewujudkan satu agensi khusus Kerajaan negeri bagi memperkasa usaha untuk meningkatkan taraf sosioekonomi golongan minoriti.</p>	 <p><b>Skim Prihatin Sihat</b> Menyediakan manfaat rawatan asas dan perlindungan takaful bagi <b>250,000 penerima manfaat.</b></p>	 <p><b>Sekurang-kurangnya 2 Bulan Elaun Khas</b> Kepada semua anggota perkhidmatan awam negeri Selangor.</p>	 <p><b>Gerai Prihatin Rakyat</b> Menawarkan makanan asas pada harga berpatutan.</p>	 <p><b>RM50 Juta Dana Food Truck Selangor (FTS)</b> Menyediakan pinjaman tanpa faedah kepada penjaja untuk memiliki food truck bagi mengembangkan perniagaan mereka.</p>	 <p><b>RM10 Juta Dana Khas Selangor Harmoni</b> Kepada NGO bagi melaksanakan program memupuk keharmonian masyarakat berbilang kaum.</p>
 <p><b>RM312 Juta Inisiatif Bantuan Prihatin Keluarga Selangor</b> Membantu 65,000 keluarga yang memerlukan dengan bantuan bulanan RM400 bagi pembelian barangan asas</p>	 <p><b>RM500 Juta Skim Mikro Kredit HIJRAH</b> Modal perniagaan dengan dana pusingan berjumlah RM500 juta untuk dimanfaatkan lebih 100,000 peniaga kecil.</p>		 <p><b>RM50 Juta Dana Restart Selangor</b> Membiayai penggantian peralatan perniagaan yang rosak akibat bencana atau musibah bagi membolehkan mereka menstruktur semula perniagaan yang terjejas.</p>	 <p><b>RM50 Juta Invest Selangor</b> Memperudahkan, menggalak dan mempercepat pelaburan industri masa hadapan bernilai tinggi.</p>	 <p><b>RM50 Juta Dana Digital Niaga Selangor (DiNIS)</b> Bagi membantu peniaga muda Selangor mengoptimumkan potensi perniagaan melalui penggunaan teknologi digital.</p>
 <p><b>20 Meter Padu Air Percuma</b> Memperluaskan inisiatif 20 meter padu air percuma kepada pemegang akaun dengan pendapatan isi rumah RM15,000 dan ke bawah.</p>	 <p><b>RM150 Juta Insentif Dana Makanan Selangor (DaMaS)</b> Mewujudkan Hab Mega Makanan bagi meningkatkan hasil pengeluaran, termasuk tanaman, ternakan dan perikanan secara berskala besar dan berteknologi tinggi</p>	 <p><b>RM100 Juta Dana Khas Tani Bangkit</b> Usahawan tani muda untuk meningkatkan kecekapan pengeluaran agromakanan melalui penggunaan teknologi dan automasi.</p>		 <p><b>RM700 Setahun Skim Selangor Riders</b> Belia yang terlibat dalam industri p-panggilan (p-hailing) untuk mereka mendapatkan perkhidmatan penyelenggaraan dan pembaikan motorsikal.</p>	
 <p><b>Skim EduStart Selangor</b> RM1,500 kepada semua pelajar tahun pertama anak Selangor yang akan mendaftar masuk ke IPT termasuk pelajar IPG.  RM500 kepada semua pelajar baharu matrikulasi dan tingkatan enam anak Selangor.</p>			 <p><b>RM5 Juta Setahun Inisiatif Bantuan Prihatin Nelayan Selangor</b> Bantuan seperti enjin bot dan alatan akuakultur.</p>	 <p><b>RM100 Juta</b> Bagi membina sekolah agama rakyat integrasi sains dan teknologi yang baharu serta menyelenggara dan menaik taraf sekolah agama rakyat.</p>	 <p><b>Pengecualian Cukai Pintu</b> Bagi rumah kos rendah, rumah kampung tradisi dan Kampung Bagan untuk tempoh 5 tahun.</p>



**Menaikkan Elaun Bulanan Tambahan**

Kepada penggerak masjid dan surau seperti imam, bilal dan siak.

**Imam – RM1,700 Siak – RM600**  
**Bilal – RM800 Nazir – RM600**



**RM50 Juta**

**Dana Khas Selangor Juara**

Mengembalikan kegemilangan Selangor dalam arena sukan.



**RM5 Juta**

**Dana Bantuan PIBG**

Menyalurkan Dana Bantuan PIBG sebanyak RM5,000 setahun kepada semua sekolah Kerajaan di negeri Selangor.



**RM6 juta setahun**


Menyediakan **bantuan yuran KAFA** kepada murid daripada keluarga yang memerlukan.



**RM200 Juta**

**Insentif Selangor Destinasi Pilihan**

Merancang aktiviti pelancongan kebudayaan dan menyediakan tarikan baharu di kawasan Utara Selangor



**Menambah Pusat Aktiviti Warga Emas**

Di seluruh negeri Selangor serta memperkasa aktiviti di pusat-pusat sedia ada melalui sumbangan dana sebanyak RM5,000 setahun.



**Pusat Kesejahteraan Darul Ehsan**

Menyediakan perkhidmatan kesihatan mental, rawatan dialisis dan rehabilitasi di setiap daerah.



**RM 100 Sebulan**

**Inisiatif Selangor Prihatin Anak Sekolah (SPAS)**

Menawarkan bantuan tambang bas sekolah sebanyak RM100 sebulan kepada 20,000 anak Selangor daripada keluarga yang memerlukan.



**Dana Khas RM50 Juta**

Untuk agensi kerajaan negeri dan syarikat swasta bagi **membuka pusat asuhan baharu di tempat kerja.**



**RM500**

**Inisiatif Lahir Selangor**

Diberi secara terus kepada ibu yang baru melahirkan anak.



**RM1,500**

**Inisiatif GigEduSelangor**

Riders p-panggilan (p-hailing) anak Selangor yang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi.



**Memperkenalkan Inisiatif Asuh Prihatin Selangor (APS)**

**Bantuan yuran pengasuhan kanak-kanak sebanyak RM150 setiap bulan untuk 65,000 kanak-kanak** daripada keluarga yang memerlukan.




**Pengecualian Bayaran Parkir Kenderaan**

Di kawasan letak kenderaan bawah seliaan PBT di Selangor Utara.

**5 Tahun Pengecualian Sepenuhnya**

Bayaran sewa tapak perniagaan milik PBT bagi penjaja yang berdaftar di seluruh negeri Selangor.



**Inisiatif Wanita Waja**

Bantuan sebanyak RM500 sebulan bagi tempoh 3 bulan

Bantuan khidmat kaunseling dan motivasi

Bantuan latihan kemahiran dan pementoran



**5 Tahun Pengecualian Fi**

Memberikan pengecualian fi lesen penjaja, gerai dan pasar.

TAWARAN LENGKAP  
**SELANGOR BAHARU  
 KITA BANGKIT!**

# 01

## Semarak Masyarakat Harmoni

Memupuk masyarakat majmuk yang bertoleransi dengan menyediakan peluang menyeluruh dalam pelbagai sektor kepada semua rakyat Selangor

# 02

## Sejahteraan Kehidupan Rakyat

Menjamin bekalan makanan mencukupi untuk rakyat pada harga yang munasabah

Memelihara kebajikan rakyat

Memperkuh sistem kesihatan

Membangunkan sukan Selangor ke taraf global

Memperkasa *Silver Economy* bagi mengupaya dan menjamin kesejahteraan warga emas

Memperkasa kebolehan dan potensi Orang Kurang Upaya (OKU)

Menyantuni keluarga muda



# 03

## Junjung Prinsip Tadbir Urus dan Politik Bersih

Memperkasa ekosistem pentadbiran Kerajaan negeri

Meningkatkan kecekapan perkhidmatan dan mengutamakan integriti

# 04

## Ekonomi Masa Hadapan Yang Utuh

Menumpukan pertumbuhan industri masa hadapan

Mempergiat penyediaan bakat baharu berkemahiran tinggi

Menjadikan Selangor sebagai destinasi pelancongan yang berkualiti dan berprestij

Membangunkan PMKS berdaya saing dan *digital-ready*

Memperkasa keilmuan belia

Memperkukuh sosioekonomi belia

# 05

## Wanita Teras Masyarakat dan Ekonomi Negeri

Mengoptimumkan potensi wanita dalam sektor ekonomi

Meningkatkan kesejahteraan wanita dan keluarga

# 06

## Modal Insan Gemilang

Memperkasa akses pendidikan

Memantapkan sistem pendidikan yang inklusif dan berdaya saing

Memperkasa KAFA, SAR dan SRA

# 07

## Alam Lestari dan Infrastruktur Bestari

Memperkasakan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar

Menyediakan perkhidmatan air yang efisien

Meningkatkan kualiti jalan raya dan infrastruktur keselamatan

Meningkatkan akses liputan perkhidmatan internet

# 01

## Semarak Masyarakat Harmoni

- ▶ **Memupuk masyarakat majmuk yang bertoleransi dengan menyediakan peluang menyeluruh dalam pelbagai sektor kepada semua rakyat Selangor**

### Tawaran:

1. **Menyediakan dana khas Selangor Harmoni berjumlah RM10 juta kepada NGO bagi melaksanakan program memupuk keharmonian** masyarakat berbilang kaum, termasuk memartabatkan bahasa kebangsaan dan menggalakkan pemahaman bahasa ibunda.
2. **Mewujudkan satu agensi khusus Kerajaan negeri bagi memperkasa usaha untuk meningkatkan taraf sosioekonomi golongan minoriti** dengan memberikan fokus khas kepada masyarakat India dan Orang Asli dengan **peruntukan sebanyak RM50 juta.**
3. Mengisytiharkan **hari Sabtu sebagai Hari Sukan dan Riadah untuk warga Selangor** melalui inisiatif Selangor Aktif bagi membudayakan gaya hidup sihat di samping mengeratkan perpaduan.



# 02

## Sejahteraan Kehidupan Rakyat

Menjamin bekalan makanan mencukupi untuk rakyat pada harga yang munasabah

Memperkuh sistem kesihatan

Memperkasa *Silver Economy* bagi mengupaya dan menjamin kesejahteraan warga emas

Memelihara kebajikan rakyat

Membangunkan sukan Selangor ke taraf global

Memperkasa kebolehan dan potensi Orang Kurang Upaya (OKU)

Menyantuni keluarga muda

## ▶ **Menjamin bekalan makanan mencukupi untuk rakyat pada harga yang munasabah**

### Tawaran:

1. **Memperkukuhkan rantai bekalan makanan di Selangor** bagi mewujudkan rangkaian Gerai Prihatin Rakyat yang menawarkan makanan asas pada harga berpatutan di setiap DUN.
2. **Mewujudkan Hab Mega Makanan** bagi meningkatkan hasil pengeluaran, termasuk tanaman, ternakan dan perikanan secara berskala besar dan berteknologi tinggi untuk pasaran domestik dan antarabangsa melalui **insentif Dana Makanan Selangor (DaMaS) bernilai RM150 juta**.
3. Memudah cara dan mempercepatkan proses kelulusan penggunaan tanah terbiar milik Kerajaan negeri termasuk bagi pembangunan Hab Mega Makanan.
4. Memperkenalkan **inisiatif Dari Kebun ke Komuniti Selangor bagi membekalkan hasil pertanian dan ternakan dari ladang terus ke pasar tani dan pasar pagi** di samping pembelian dalam talian.
5. Memperuntukkan **dana khas Tani Bangkit sebanyak RM100 juta kepada usahawan tani muda** untuk meningkatkan kecekapan pengeluaran agromakanan melalui penggunaan teknologi dan automasi.
6. **Menyediakan geran sehingga RM20,000 untuk komuniti** mengubah guna dan membangunkan tanah-tanah kosong yang bersesuaian di kawasan perumahan bagi **tujuan pertanian bandar (urban farming) melalui inisiatif Komuniti Mesra Alam Selangor (KoMAS)**.



## ▶ Memelihara kebajikan rakyat

### Tawaran:

1. Memperkenalkan **inisiatif Bantuan Prihatin Keluarga Selangor dengan peruntukan sebanyak RM312 juta setahun** untuk membantu 65,000 keluarga yang memerlukan dengan bantuan bulanan RM400 bagi pembelian barangan asas sebagai usaha segera membantu mengurangkan tekanan kos sara hidup.
2. Mewujudkan **Skim Rumah Pertama Darul Ehsan termasuk pemilikan rumah pangsa 3 bilik** bagi golongan yang memerlukan serta kuota khas bagi keluarga muda.
3. **Mengecualikan cukai pintu** bagi rumah kos rendah, rumah kampung tradisi dan Kampung Bagan **untuk tempoh 5 tahun**.
4. **Mengecualikan bayaran parkir di kawasan letak kenderaan** bawah seliaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Selangor Utara.
5. Menghargai jasa dan peranan penggerak masjid dan surau dengan **memperkenalkan kadar baharu elaun bulanan** seperti berikut:
  - a. Imam – RM1,700
  - b. Bilal – RM800
  - c. Siak – RM600
  - d. Nazir – RM600
6. Mengoptimumkan dana dan aset milik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mempergiatkan kerja-kerja menaik taraf dan menyelenggara fasiliti awam seperti taman permainan, sistem perparitan, pasar awam, CCTV di tempat awam serta kemudahan guna sama di kawasan perumahan berstrata.

7. Mewujudkan **inisiatif Bantuan Prihatin Nelayan Selangor berjumlah RM5 juta setahun** untuk menyalurkan bantuan seperti enjin bot dan alatan akuakultur.
8. Meningkatkan penglibatan warga FELDA, termasuk anak muda dalam aktiviti ekonomi dan keusahawanan berdasarkan keunikan di sesebuah kawasan tanah rancangan seperti agropelancongan, sukan lasak dan pertanian kontan bernilai tinggi.



## ▶ Memperkukuh sistem kesihatan

### Tawaran:

1. Memperkenalkan **Skim Prihatin Sihat yang menyediakan manfaat rawatan asas dan perlindungan takaful bagi 250,000 penerima manfaat.**
2. **Memperluaskan kemudahan pengangkutan percuma Van Selangor Care** dengan kerjasama anak syarikat Kerajaan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pertubuhan bukan kerajaan bagi memudahkan pergerakan warga emas dan OKU ke pusat kesihatan.
3. Memperkenalkan **Pusat Kesejahteraan Darul Ehsan bagi menyediakan perkhidmatan kesihatan mental, rawatan dialisis dan rehabilitasi di setiap daerah** melalui kerjasama dengan anak syarikat Kerajaan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pertubuhan bukan kerajaan.
4. Menyediakan **dana berjumlah RM15 juta untuk inisiatif jaringan perkhidmatan Ambulans Komuniti Selangor (AKoS)** yang lestari dengan kerjasama agensi Kerajaan negeri dan pertubuhan bukan kerajaan.

## ▶ Membangunkan Selangor ke taraf global

### Tawaran:

1. **Memperuntukkan dana Infra Sukan Selangor sebanyak RM30 juta setahun** bagi membina, menaik taraf dan menyelenggara fasiliti sukan yang mesra rakyat di setiap DUN.
2. **Mengembalikan kegemilangan Selangor dalam arena sukan** khususnya bola sepak dan badminton serta menggilap bakat anak Selangor yang berpotensi ke Sukan Olimpik dan Paralimpik **dengan menyediakan dana khas Selangor Juara berjumlah RM50 juta.**
3. Menyediakan **insentif Darul Ehsan E-Sports (DEES) dengan peruntukan sebanyak RM2 juta** bagi menggalakkan penyertaan anak Selangor di peringkat antarabangsa.

## ▶ **Memperkasa *Silver Economy* bagi mengupaya dan menjamin kesejahteraan warga emas**

### Tawaran:

1. Memperkenalkan **Skim Desa Pesara Selangor untuk menyediakan kawasan kediaman warga emas** yang dilengkapi dengan kemudahan kerohanian, kesihatan dan rekreasi melalui kerjasama dengan pihak swasta.
2. Mewujudkan **Program Ekonomi Warga Emas bagi menyantuni golongan warga emas yang mempunyai kebolehan dan kepakaran untuk melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi** dan kesukarelawanan.
3. Menambah **pusat aktiviti warga emas di seluruh negeri Selangor** dan memperkasa aktiviti di pusat-pusat sedia ada termasuk melalui **penyaluran dana sebanyak RM5,000 setahun**.
4. **Memperkuh ekosistem penjagaan warga emas**, melibatkan pusat penjagaan dan hospital.
5. Menjamin keselamatan dan kesejahteraan penghuni pusat penjagaan warga emas dengan memudah cara sistem perlesenan dan memperkasa pengauditan.



## ▶ Memperkasa kebolehan dan potensi Orang Kurang Upaya (OKU)

### Tawaran:

1. Mewujudkan **peluang ekonomi kepada golongan OKU** serta mempergiatkan usaha untuk meningkatkan penyertaan mereka dalam pasaran pekerjaan.
2. **Menubuhkan pusat aktiviti, bimbingan dan latihan untuk OKU semua peringkat umur**, termasuk individu autistik, yang menyediakan pelbagai kemudahan untuk meningkatkan keupayaan dan kapasiti mereka.
3. **Menjadikan Selangor sebagai negeri mesra OKU** dengan mewajibkan penyediaan fasiliti mesra OKU di semua premis milik kerajaan negeri dan meningkatkan penyediaan fasiliti tersebut di premis swasta.
4. **Menyediakan pusat intervensi dan pembangunan OKU** yang komprehensif untuk kanak-kanak dan remaja.
5. Memperkenalkan pangkalan data OKU yang komprehensif bagi mengurus bantuan OKU dengan lebih berstruktur dan teratur.





## ► Menyantuni keluarga muda

### Tawaran:

1. Mewujudkan **inisiatif Bina Keluarga Selangor (BKS) sebanyak RM500 untuk pasangan pengantin baharu** bagi membantu pasangan muda yang memerlukan.
2. Mengadakan kolaborasi strategik antara agensi Kerajaan negeri dan pemain industri pelancongan untuk **menyediakan Pakej Percutian Raikan Cinta kepada pasangan yang baru berkahwin untuk bercuti** di destinasi pelancongan dalam negeri Selangor.
3. Mewujudkan **insentif Lahir Selangor bernilai RM500** yang diberi secara terus kepada ibu yang baru melahirkan anak.
4. **Memperbanyak rumah transit dan projek perumahan rakyat** di kawasan terpilih untuk sewaan kepada pasangan belia yang baru berkahwin.



# 03

## Junjung Prinsip Tadbir Urus dan Politik Bersih

**Memperkasa ekosistem  
pentadbiran kerajaan negeri** ◀

**Meningkatkan kecekapan  
perkhidmatan dan  
mengutamakan integriti** ◀

## ▶ Memperkasa ekosistem pentadbiran kerajaan negeri

### Tawaran:

1. Menubuhkan Jawatankuasa Khas yang dianggotai pakar pelbagai bidang untuk memantau dan memastikan tawaran Perikatan Nasional dilaksanakan sepenuhnya.
2. **Mewujudkan Majlis Tindakan Pemulihan Ekonomi Negeri Selangor untuk merancakkan semula ekonomi** dan menyegerakan penyelesaian isu berkaitan tekanan kos sara hidup rakyat.
3. Membentuk **All-Party Parliamentary Group** untuk bersama menangani cabaran semasa dan masa depan berkaitan pembangunan lestari, teknologi dan tenaga kerja.
4. Memperkenalkan pelantikan Ahli Dewan Negeri (ADN) tanpa pilihan raya bagi memastikan pelbagai segmen masyarakat mempunyai wakil dalam Dewan Undangan Negeri.

## ▶ Meningkatkan kecekapan perkhidmatan dan mengutamakan integriti

### Tawaran:

1. Mengiktiraf peranan anggota perkhidmatan awam Selangor dengan **pemberian elaun khas tahunan sekurang-kurangnya 2 bulan gaji**.
2. Mengoptimumkan penggunaan teknologi digital dan data raya bagi memastikan perkhidmatan Kerajaan negeri yang lebih telus, cekap dan bertaraf dunia.
3. Memperkasa pengurusan anak syarikat Kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui pendigitalan dan pemodenan bagi meningkatkan daya saing di peringkat antarabangsa dan mencipta peluang ekonomi baharu di negeri Selangor.

# 04

## Ekonomi Masa Hadapan Yang Utuh

- ▶ **Menumpukan Pertumbuhan Industri Masa Hadapan**
- ▶ **Membangunkan PMKS berdaya saing dan *digital-ready***
- ▶ **Mempergiat penyediaan bakat baharu berkemahiran tinggi**
- ▶ **Memperkasa keilmuan belia**
- ▶ **Menjadikan Selangor sebagai destinasi pelancongan yang berkualiti dan berprestij**
- ▶ **Memperkukuh sosioekonomi belia**



## ► Menumpukan pertumbuhan industri masa hadapan

### Tawaran:

1. Menggerakkan Selangor ke arah **Just Energy Transition** dengan memperkasa kolaborasi bersama pemegang taruh bagi mewujudkan ekonomi masa hadapan yang lestari.
2. Mempercepatkan perkembangan industri masa hadapan bernilai tinggi termasuk tenaga boleh diperbaharui, kenderaan elektrik, aeroangkasa dan ekonomi digital seperti pusat data, AI dan robotik melalui kerjasama dengan pemain industri.
3. Membina **Selangor sebagai hab tenaga kerja masa hadapan dengan mewujudkan 100,000 peluang pekerjaan** berkemahiran tinggi bersesuaian dengan ekonomi masa hadapan.
4. Memeruntukkan **RM50 juta untuk memperkasa Invest Selangor** bagi mempermudah, menggalak dan mempercepat pelaburan industri masa hadapan bernilai tinggi.
5. Menubuhkan **Pusat Kajian Industri Masa Hadapan** bagi memastikan pembangunan industri masa hadapan Selangor yang dinamik dan mampan.
6. Memeruntukkan **dana tambahan RM20 juta bagi meningkat dan meluaskan pasaran eksport produk dan perkhidmatan** bernilai tambah tinggi dari Selangor termasuk memperkenalkan inisiatif *Buy Selangor Products* di pasaran antarabangsa.

## ► Mempergiat penyediaan bakat baharu berkemahiran tinggi

### Tawaran:

1. Meningkatkan peluang latihan industri dalam agensi dan anak syarikat Kerajaan negeri dengan **kadar elaun minimum RM1,500 sebulan untuk anak Selangor**.
2. Mewujudkan **Pelan Industri Kreatif Selangor (PIKS) bagi mempergiat penglibatan belia dalam industri kreatif, termasuk animasi dan kebudayaan** untuk pasaran dalam dan luar negara.
3. Memperkenalkan **inisiatif NextGen Selangor dengan peruntukan berjumlah RM10 juta** bagi menyediakan program coding, robotik dan cloud computing secara percuma untuk murid-murid di negeri Selangor.
4. **Memperkasa kolej dan universiti milik Kerajaan negeri** seperti Universiti Selangor (UNISEL), INPENS International College dan Universiti Islam Selangor (UIS) sebagai **peneraju pendidikan tinggi dan penyelidikan bagi ekonomi masa hadapan**.
5. Mewujudkan **Zon Khas Latihan Kemahiran berteknologi tinggi bagi memenuhi keperluan ekonomi masa hadapan** dengan jalinan kolaborasi strategik antara Kerajaan negeri dan industri.

## ► Menjadikan Selangor sebagai destinasi pelancongan yang berkualiti dan berprestij

### Tawaran:

1. Menyediakan insentif **Selangor Destinasi Pilihan bernilai RM200 juta** bagi:
  - a. Menggalakkan **pembangunan homestay unik**, produk pelancongan alam semulajadi bernilai tinggi dan fasiliti pelancongan moden.
  - b. Merancang aktiviti pelancongan kebudayaan dan menyediakan tarikan baharu di kawasan Utara Selangor.
  - c. Meningkatkan produk pelancongan berasaskan makanan dan kulinari sebagai daya tarikan utama pelancong.
2. Menjadikan **Selangor sebagai destinasi utama mesyuarat, insentif, persidangan dan pameran (MICE)** serta acara sukan peringkat antarabangsa.

## ► Membangunkan PMKS berdaya saing dan *digital-ready*

### Tawaran:

1. **Memperkenalkan semula dan memperkasa skim mikro kredit HIJRAH bagi mengupaya peniaga-peniaga kecil** yang memerlukan modal perniagaan dengan **dana pusingan berjumlah RM500 juta untuk dimanfaatkan lebih 100,000 peniaga kecil.**
2. Memberikan **pengecualian fi lesen perniagaan untuk penjaja, gerai dan pasar bagi tempoh 5 tahun.**
3. **Mengecualikan sepenuhnya bayaran sewa tapak perniagaan milik PBT** bagi penjaja yang berdaftar di seluruh negeri Selangor **untuk tempoh 5 tahun.**
4. Mewujudkan **dana Food Truck Selangor (FTS) berjumlah RM50 juta setahun** bagi menyediakan pinjaman tanpa faedah kepada penjaja untuk memiliki food truck bagi mengembangkan perniagaan mereka.
5. Menyediakan **dana Restart Selangor berjumlah RM50 juta setahun untuk membiayai penggantian peralatan perniagaan yang rosak** akibat bencana atau musibah bagi membolehkan mereka menstruktur semula perniagaan yang terjejas.
6. Mewujudkan **dana Digital Niaga Selangor (DiNIS) berjumlah RM50 juta setahun bagi membantu usahawan muda Selangor** mengoptimumkan potensi perniagaan melalui penggunaan teknologi digital serta menyediakan khidmat nasihat dan latihan yang berkaitan.
7. Memperkasa Halal International Selangor dalam mempergiat promosi produk halal keluaran PMKS untuk pasaran domestik dan antarabangsa.
8. Meningkatkan kerjasama PMKS dengan anak syarikat Kerajaan negeri dan industri serta institusi latihan kemahiran bagi memaksimumkan potensi PMKS dalam pendigitalan perniagaan.

## ▶ Memperkasa keilmuan belia

### Tawaran:

1. Mewujudkan **Tabung Biasiswa Industri Masa Hadapan Selangor berjumlah RM20 juta untuk anak Selangor** daripada keluarga yang memerlukan bagi melanjutkan pengajian dalam bidang industri masa hadapan yang terpilih.
2. Memperkenalkan **skim EduStart Selangor bagi menyediakan bantuan awal pengajian:**
  - a. **RM1,500 kepada semua pelajar tahun pertama anak Selangor** yang akan mendaftar masuk ke IPT termasuk pelajar IPG.
  - b. **RM500 kepada semua pelajar baharu matrikulasi dan tingkatan enam anak Selangor.**
3. **Memberikan insentif khas GigEduSelangor sebanyak RM1,500 kepada riders p-panggilan (p-hailing) anak Selangor** yang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi.

## ▶ Memperkukuh sosioekonomi belia

### Tawaran:

1. Memperkenalkan **skim Selangor Riders kepada belia yang terlibat dalam industri p-panggilan (p-hailing) untuk mereka mendapatkan perkhidmatan penyelenggaraan dan pembaikan motosikal serta perlindungan insurans bernilai RM700 setahun untuk 6,500 orang peserta.**
2. Menawarkan **Skim Perumahan Mikro Belia Mampu Sewa di bandar-bandar utama.**
3. Memperkasakan koperasi belia di negeri Selangor melalui program latihan dan khidmat nasihat yang menekankan pengurusan dan tadbir urus koperasi yang cekap, berdaya maju dan berinovasi.

# 05

## Wanita Teras Masyarakat dan Ekonomi Negeri

**Mengoptimumkan potensi  
wanita dalam sektor ekonomi** ◀

**Meningkatkan kesejahteraan  
wanita dan keluarga** ◀



## ► Mengoptimalkan potensi Wanita dalam sektor ekonomi

### Tawaran:

1. Memperkenalkan **Kursus Pendidikan Awal dan Penjagaan Kanak-Kanak di Universiti Selangor (UNISEL) dan Universiti Islam Selangor (UIS)** untuk mewujudkan tenaga kerja profesional pendidikan awal dan penjagaan kanak-kanak.
2. **Membina 20 Selangor Child Care Centre setahun** yang dilengkapi dengan kemudahan moden dan tenaga pengajar profesional.
3. Memperuntukkan **dana khas berjumlah RM50 juta untuk agensi Kerajaan negeri dan syarikat swasta bagi membuka pusat asuhan baharu di tempat kerja.**
4. Memperkenalkan **inisiatif Asuh Prihatin Selangor (APS) yang menyediakan bantuan yuran pengasuhan kanak-kanak sebanyak RM150 setiap bulan untuk 65,000 kanak-kanak** daripada keluarga yang memerlukan.
5. Melaksanakan **intervensi yang agresif bagi mencapai sasaran 30% penyertaan wanita dalam jawatan utama** di agensi dan anak syarikat Kterajaan negeri.
6. Menjalinkan kerjasama strategik antara Kerajaan negeri dengan pihak swasta bagi menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan dengan waktu kerja anjal termasuk bekerja dari rumah.
7. Mewujudkan **inisiatif Wanita BEST bagi memperkasakan 30,000 perniagaan milik usahawan wanita yang berdaya saing dan stabil melalui penyediaan geran sehingga RM10,000** serta program latihan, pementoran, pendigitalan dan pemantauan.
8. Memperkenalkan **inisiatif Srikandi Profesional (SriPro) dengan menyediakan dana pemula sehingga RM50,000 untuk wanita profesional di negeri Selangor** memulakan perniagaan dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan.

## ► Meningkatkan kesejahteraan wanita dan keluarga

### Tawaran:

1. Memperkenalkan **Inisiatif Wanita Waja untuk wanita yang kematian suami atau berpisah dengan suami dan memerlukan bantuan serta sokongan.** Inisiatif ini mempunyai tiga komponen iaitu:
  - a. **Bantuan sebanyak RM500 sebulan** bagi tempoh 3 bulan
  - b. **Bantuan khidmat kaunseling dan motivasi**
  - c. **Bantuan latihan kemahiran dan pementoran**

# 06

## Modal Insan Gemilang

- ▶ **Memperkasa akses pendidikan**
- ▶ **Memantapkan sistem pendidikan yang inklusif dan berdaya saing**
- ▶ **Memperkasa KAFA, SAR dan SRA**



## ▶ Memperkasa akses pendidikan

### Tawaran:

1. Memperkenalkan **inisiatif Selangor Prihatin Anak Sekolah (SPAS) dengan menawarkan bantuan tambang bas sekolah sebanyak RM100 sebulan kepada 20,000 anak Selangor** daripada keluarga yang memerlukan melalui kerjasama pengusaha bas sedia ada.
2. Mewujudkan **program Selangor Renang bagi memberi kemahiran asas berenang** dan keselamatan dalam air untuk anak-anak Selangor daripada keluarga yang memerlukan.
3. Menyediakan saringan penglihatan dan pendengaran kanak-kanak, bagi memberi kemudahan bantuan cermin mata serta alat bantu dengar secara percuma untuk murid yang memerlukan.
4. **Meningkatkan kapasiti Sekolah Rendah Agama Integrasi** bagi membolehkan penambahan bilangan murid.



## ▶ Memantapkan sistem pendidikan yang inklusif dan berdaya saing

### Tawaran:

1. Menubuhkan **Akademi Sains Selangor** bagi menyediakan pendidikan peringkat sekolah rendah yang menumpukan kepada pendidikan sains, teknologi dan inovasi.
2. Mewujudkan **dana khas RM2 juta setahun untuk dana pembelajaran bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK)**.
3. Menyalurkan **Dana Bantuan PIBG sebanyak RM5,000 setahun kepada semua sekolah Kerajaan, termasuk SJKC dan SKJT** di negeri Selangor dengan jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak RM5 juta.
4. Menawarkan **insentif khas bagi sekolah tahfiz dan agama negeri untuk menyertai sistem kemahiran TVET**.
5. **Meningkatkan sebanyak 100% jumlah biasiswa Kerajaan negeri** dan memberi fokus kepada bidang industri masa hadapan.
6. Memperkenalkan **inisiatif Eksplorasi Sains Selangor (ESS) dengan menyediakan trak bergerak yang dilengkapi pelbagai alatan sains dan teknologi yang terkini** dan interaktif bagi membudayakan kreativiti dan inovasi dalam kalangan anak-anak Selangor.

## ▶ Memperkasa KAFA, SAR dan SRA


### Tawaran:

1. **Memperuntukkan RM100 juta bagi membina sekolah agama rakyat integrasi sains dan teknologi yang baharu** serta menyelenggara dan menaik taraf sekolah agama rakyat sedia ada, termasuk memperkasa pendigitalan pendidikan dengan kolaborasi syarikat teknologi antarabangsa.
2. Menyediakan **bantuan yuran KAFA kepada murid daripada keluarga yang memerlukan dengan peruntukan berjumlah RM6 juta setahun**.

# 07

## Alam Lestari dan Infrastruktur Bestari

- ▶ **Memperkasakan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar**
- ▶ **Menyediakan perkhidmatan air yang efisien**
- ▶ **Meningkatkan kualiti jalan raya dan infrastruktur keselamatan**
- ▶ **Meningkatkan akses liputan perkhidmatan internet**



## ▶ **Memperkasa pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar**

### **Tawaran:**

1. Melaksanakan penggunaan teknologi terkini melalui kerjasama bandar pintar global untuk membina sistem penjanaan tenaga boleh diperbaharui termasuk **on-road energy harvesting** daripada jalan raya di kawasan-kawasan industri.
2. Menyediakan **dana sebanyak RM10 juta sebagai insentif kepada NGO yang melaksanakan aktiviti dan program pemeliharaan dan pemuliharaan** alam sekitar.
3. **Meningkatkan penguatkuasaan berkaitan kawalan pencemaran** serta memperkasakan perlindungan alam sekitar termasuk pemeliharaan sungai dan hutan simpan.
4. **Mewujudkan sistem pengumpulan minyak terpakai** secara sistematik dan teratur dengan kerjasama pihak swasta.
5. Memperkasa usaha untuk **memperkembangkan industri perdagangan karbon** serta penangkapan dan penyimpanan karbon di negeri Selangor.
6. Mewujudkan **Yayasan Perlindungan Alam Selangor bagi melindungi hutan rimba, taman alam, pesisiran pantai dan sungai** untuk menyokong pertumbuhan industri pelancongan serta memelihara alam sekitar untuk diwarisi generasi akan datang.



## ► Menyediakan perkhidmatan air yang efisien

### Tawaran:

1. **Memperluaskan program air percuma dengan memperkukuhkan inisiatif 20 meter padu air percuma** kepada pemegang akaun dengan pendapatan isi rumah RM15,000 dan ke bawah.
2. Menyediakan **peruntukan tahunan sebanyak RM200 juta untuk mengatasi masalah paip pecah** dan melaksanakan program penggantian paip-paip lama di 100 kawasan hotspot bagi memastikan kecekapan bekalan air serta mengurangkan kadar air tidak berhasil (non-revenue water).
3. Memeruntukkan **RM10 juta untuk inisiatif Alam Lestari** dalam mempergiat usaha membudayakan amalan konservasi air, termasuk melalui *rain water harvesting*.
4. **Memperkukuhkan pemantauan sumber air mentah di kawasan sensitif** dan *hotspot* pencemaran sumber air dengan menambahkan bilangan sensor dan menggunakan teknologi terkini, termasuk sistem berdasarkan AI.
5. Memperkenalkan ***rapid response team* bagi memastikan lori tangki air bersih dapat digerakkan segera** ke kawasan yang terjejas dengan gangguan bekalan air.
6. **Menambahkan lebih banyak takungan sumber air sebagai alternatif** bagi menjamin kesinambungan bekalan air sekiranya sumber air sedia ada ke loji rawatan tercemar.

## ► Meningkatkan kualiti jalan raya dan infrastruktur keselamatan

### Tawaran:

1. Memperkenalkan ***rapid response team*** bagi mengambil tindakan pantas terhadap aduan yang diterima berkaitan keadaan jalan raya, termasuk jalan berlubang dan kerosakan lampu jalan.
2. **Menyegerakan pembinaan jalan baharu serta menaik taraf jalan dan jambatan sedia ada** bagi meningkatkan akses perhubungan di kawasan bandar dan luar bandar, termasuk pelebaran jalan dan pencahayaan.
3. **Meningkatkan jaringan laluan pejalan kaki bagi memudahkan akses** kepada kawasan-kawasan tumpuan termasuk pengangkutan awam.
4. Meningkatkan kerjasama dengan pihak berkuasa untuk memperkasa pemantauan keselamatan berdigital di kawasan berisiko melalui penambahan CCTV dan butang kecemasan.

## ► Meningkatkan akses liputan perkhidmatan internet


### Tawaran:

1. Mempercepat **peluasan akses capaian internet 5G** di seluruh negeri Selangor.
2. Memperkenalkan **E-Commerce Digital Hub** bagi membantu peniaga online mendapat khidmat setempat, termasuk latihan, studio dan kurier.
3. **Meningkatkan kualiti wifi percuma** di kawasan tumpuan ramai, termasuk pusat komuniti, pusat pelancongan dan pusat kegiatan belia.





**PERIKATAN  
NASIONAL**



**SELANGOR BAHARU**

**KITA BANGKIT!**

**UNDILAH  
PERIKATAN NASIONAL**